

Dr Mahathir mulakan .

BH 10 JUN 2002

Daripada Khaidir Abdul Majid

ZURICH, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan tiga hari ke Switzerland bagi pertemuan dengan kerajaan dan swasta negara ini.

Walaupun Perdana Menteri pernah ke Switzerland sebelum ini, kunjungan kali ini adalah lawatan rasmi pertama ke negara yang berbangga dengan status berkecualinya.

Lawatan Dr Mahathir dianggap bertepatan pada masanya kerana Switzerland dijangka diterima masuk dalam keluarga Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai anggota ke-190 pada perhimpunan agung badan antarabangsa itu September ini.

Kemasukan ke PBB bermakna negara yang terkenal dengan kekukuhan sektor kewangannya itu akan

mempunyai fungsi lebih besar mencari penyelesaian terhadap isu global.

Berikutan itu, Switzerland dilihat berminat mendengar pandangan pemimpin negara lain, termasuk Dr Mahathir mengenai pelbagai isu antarabangsa.

Minat ini digambarkan dengan atur cara padat dan panjang yang disusun untuk membolehkan delegasi Malaysia yang diketuai Dr Mahathir berbincang dengan pegawai kerajaan Switzerland, diketuai Presi-

dennya, Kaspar Villiger yang juga Menteri Kewangan.

Selain pertemuan empat mata dengan Villiger di Berne esok, Perdana Menteri dan rombongan berpeluang berbincang lagi pada mesyuarat delegasi yang disusun selepas pertemuan mereka.

Keseluruhannya, Dr Mahathir dan Villiger mempunyai peluang berinteraksi selama kira-kira tiga jam, termasuk pada jamuan tengah hari sebelum sidang

lawatan ke Switzerland

akhtar bersama.

Selain dengan kerajaan, pertemuan Perdana Menteri dengan sektor swasta Switzerland turut agak bermakna kerana beliau akan mengadakan perbincangan dengan dua bank utama dunia, iaitu UBS AG dan Credit Suisse Group.

Pertemuan dengan UBS diadakan malam ini selepas Dr Mahathir mengadakan perjumpaan dengan masyarakat Malaysia di Zurich, manakala pertemuan

dengan Credit Suisse pula diadakan malam esok.

Selain itu, Perdana Menteri yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan mengambil kesempatan pada pagi esok untuk melawat Sauber Petronas Engineering AG di Hinwil dekat sini untuk melihat perkembangan terkini usaha jurutera Petronas membangunkan enjin kenderaan bagi kegunaan industri automotif negara.

Dr Mahathir akan berle-

pas ke Geneva pada Selasa ini untuk menghadiri sesi ke-90 persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Di Geneva, beliau turut mengadakan pertemuan dengan pegawai tertinggi svarikat Switzerland, Alstom Power AG dan ABB AG, sebelum berlepas ke Luxembourg untuk memulakan lawatan rasmi ke negara itu.

Delegasi Perdana Menteri ke Switzerland turut disertai Menteri Perdagaa-

ngan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Duta Malaysia ke Jerman, Switzerland dan Greece, Datuk Kadir Deen; Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Shamsuddin Hitam; Timbalan Ketua Setiausaha 1, Kementerian Luar, Datuk Abdul Aziz Mohammed; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Timbalan Ketua Pengarah I, Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Mohd Zawawi Mohd Nordin.